

535:  
MAHATHIR

1975

PULAU PINANG, 11 DIS. (BERNAMA)-- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENYERU UNIVERSITI-UNIVERSITI DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SUPAYA MENUMPUKAN KEPADA SESUATU BIDANG IKISAS BAGI MENGEKALKAN KETINGGIAN MUTU PROFESYENAL.

BERUCAP MERESMIKAN PEMBUKAAN PERSIDANGAN SERANTAU MENGENAI PELIKAN PENUMPUAN TERHADAP PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI UNIVERSITI-UNIVERSITI ASIA TENGGARA DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DI SINI, BELIAU BERKATA, +OLEH KERANA PENGETAHUAN BERKEM-  
BANG BEGITU PESAT, TIDAK ADA UNIVERSITI YANG BOLEH BERPURA-PURA UNTUK MELIPUTI KESEMUANYA.+

DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TIDAK SEBEGITU MAKMUR UNTUK MENGENDALIKAN SEMUA BIDANG PENYELIDIKAN DAN PENGAJIAN MENGENAI SETIAP CAWANGAN PENGETAHUAN.

ALANGKAN SESEBUAH JABATAN SAPERTI FIZIK ATAU EKONOMI MESTI MEMBUAT KEPUTUSAN BAGI MENUMPUKAN TERHADAP SESUATU BIDANG TERTENTU, TAMBAHNYA.

BELIAU JUGA MEMBERI AMARAN BAHAWA DALAM MENUMPUKAN TERHADAP SESUATU JURUSAN IKTISAS, SESEBUAH UNIVERSITI MESTILAH WASPADA TERHADAP BAHAYA +OVER-SPECIALISATION+. --BERSAMBUNG 1428/MD

536:

MAHATHIR 2. PULAU PINANG

DR. MAHATHIR JUGA MENYERU SUPAYA DIADAKA RANCANGAN LATIHAN BAGI MENJAMIN KAKITANGAN AKADEMIK DAPAT MEMBERI SUMBANGAN YANG BERKESAN TERHADAP KEMAJUAN PELAJAR SEPENUHNYA.

BELIAU JUGA MENJELASKAN, LATIHAN PROFESYENAL YANG PESAT ADALAH DIPERLUKAN BAGI GURU-GURU DI PERINGKAT SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH.

TERDAHULU DARI ITU, PENGARAH INSTITIUT PELAJARAN TINGGI SERANTAU (RIHED), DR. AMNUAY TAPINGKAE BERKATA, MASAALAH PELAJARAN SELURUH DUNIA DAPAT DIDEKATI DENGAN:

- + MENGENALI CABARAN-CABARAN BAGI PELAJARAN TINGGI KERANA PERUBAHAN SEKELILING YANG PESAT,
- + MENGANALISA PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI UNIVERSITI-UNIVERSITI,
- + MENILAI SECARA MENDALAM PENGALAMAN-PENGALAMAN GURU-GURU DAN PELAJAR-PELAJAR DAN
- + MENGADAKAN KONSEP BARU KEMAJUAN KARIKULAM YANG BERKESAN DAN TEKNOLOJI PELAJARAN BAGI MENCAPAI KEMAJUAN SEPENUHNYA UNTUK PELAJAR-PELAJAR.

SERAMAI 30 ORANG WAKIL DARI LIMA NEGARA ANGGUTA ASEAN MENGHADIRI PERSIDANGAN TIGA HARI ANJURAN RIHED ITU. --BERNAMA 1456/MD